

Memupuk komitmen mapan hari ini
demi tradisi utuh hari depan.





Dalam kebanyakan kebudayaan, pokok telah dijadikan simbol kebijaksanaan, kekuatan dan ketenangan sejak berzaman. Pokok terkenal sebagai sumber perubatan, mempunyai daya tahan terhadap ancaman persekitaran dan penyumbang kepada masyarakat. Ini adalah ciri-ciri yang ingin dikaitkan dengan PIDM.

Bagi membolehkan pokok itu tumbuh, persekitarannya haruslah dipupuk untuk membolehkan benihnya berakar. Apabila akarnya telah bertunjang dan melata, usaha harus ditumpukan bagi memupuk pokok yang kuat – yang bersedia untuk menahan rintangan pada masa hadapan.

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, kami di PIDM telah bekerja keras untuk membina asas bagi benih pokok yang disemai tumbuh subur. Sebagaimana yang terpapar di kulit hadapan, benih pokok kami terus membesar dan akan terus dijaga dan dikuatkan. Kekuatan inilah yang membolehkan kami bersedia untuk menghadapi pelbagai jenis rintangan dan dugaan serta menyumbang kepada masyarakat – secara cekap dan berkesan.

Visi Kami

- Diiktiraf sebagai penginsurans deposit paling efektif di Asia Tenggara menjelang 2008.
- Diperakui sebagai salah satu daripada peneraju penginsurans deposit utama di dunia menjelang 2010.

Misi Kami

- PIDM akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. PIDM akan memenuhi mandatnya dengan efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain.

Teras Strategik Kami

- Kesediaan operasi.
- Amalan urus niaga dan kewangan yang mantap.
- Kesedaran awam yang efektif.
- Perkongsian yang kukuh.

Objektif Korporat Kami

- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik.
- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat.
- Perkongsian efektif.
- Penggunaan sumber yang optimum.
- Kecemerlangan operasi.
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten.
- Persekitaran korporat yang kondusif.

Nilai Korporat Kami

- Kecemerlangan dan Profesionalisme.
- Hormat dan Adil.
- Integriti dan Kebolehpercayaan.
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan.
- Pengelolaan Kewangan.

Isi Kandungan

 Ringkasan	1
 Bahagian 1: Pengenalan	2 - 7
Penubuhan Kami dan Tujuannya Pendekatan dan Rangka Kerja Pengurusan Strategik Kami	
 Bahagian 2: Membina atas Kekuatan Kami	8 - 17
Pencapaian <i>Scorecard</i> Korporat 2007 Kami Pencapaian Melangkaui <i>Scorecard</i> Korporat 2007 Kami Kewangan 2007: Unjuran 2007 Berbanding Bajet 2007 Imbasan <i>Scorecard</i> Korporat 2007	
 Bahagian 3: Berkembang Kukuh daripada Kekuatan	18 - 31
Penilaian Persekitaran Operasi Kami Semakan Pengurusan Risiko Organisasi Andaian Perancangan Utama Hala Tuju Strategik bagi 2008-2010 <i>Scorecard</i> Korporat 2008-2010 Rancangan Kewangan 2008	
 Bahagian 4: Kesimpulan	32 - 35
Halangan Pencapaian Rancangan Korporat Kesimpulan	
 Lampiran	36 - 43
Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Profil Korporat Butiran Lanjut	

Ringkasan

Bahagian 1: Pengenalan

Rancangan Korporat kami bagi tahun 2008-2010 menerapkan hala tuju strategik, inisiatif dan rancangan kewangan 2008 kami. Rancangan ini menggariskan fokus dan keutamaan strategik kami berdasarkan kepada rangka kerja pengurusan risiko organisasi. Ini akan membolehkan kami memenuhi mandat serta mencapai visi dan misi kami.

Bahagian 2: Membina atas Kekuatan Kami - Pencapaian Tahun Lepas

Bagi tahun 2007, hala tuju strategik kami adalah tertumpu kepada usaha berterusan dalam membangun dan mematuhi amalan terbaik tadbir urus dan operasi kami. Kami telah meneruskan usaha bagi membina atas kekuatan kami dan mencapai objektif korporat. Dalam bahagian ini, kami menyediakan ulasan pencapaian dan kemajuan kami berbanding *Scorecard* Korporat 2007. Secara ringkasnya, kami telah berjaya mencapai inisiatif utama kami berdasarkan sasaran dan pelan kewangan yang telah diluluskan.

Bahagian 3: Berkembang Kukuh daripada Kekuatan - Maju Ke Hadapan

Di masa hadapan, kami akan terus membina di atas kekuatan kami. Fokus kami akan tertumpu kepada pembangunan modal insan dan meningkatkan kesediaan

operasi serta keberkesanannya dalam operasi teras kami. Ini termasuk meningkatkan kesediaan operasi dalam polisi, sistem, amalan dan pendekatan serta membangunkan keupayaan kami untuk menguruskan campur tangan dan resolusi bank. Kami juga akan memantapkan usaha komunikasi bagi meningkatkan kesedaran awam dan tahap pendidikan mengenai sistem insurans deposit di Malaysia.

Rancangan kewangan kami telah dirangka untuk menyokong pencapaian inisiatif 2008. Kami membajetkan pendapatan sebanyak RM128 juta, perbelanjaan operasi RM45 juta dan lebihan bersih RM83 juta. Kami mengunjurkan dana insurans deposit berjumlah RM292.2 juta pada akhir tahun 2008.

Bahagian 4: Kesimpulan

Secara ringkasnya, kami akan terus membina atas kesediaan operasi Perbadanan menerusi pembangunan kapasiti dan pengurusan pengetahuan. Sepanjang tempoh perancangan, kami akan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan serta kesediaan operasi dalam operasi teras kami. Pada masa yang sama, kami akan menumpukan usaha untuk membangun sebuah pasukan kepimpinan yang mantap, meningkatkan pengurusan hubungan dan memupuk budaya korporat yang utuh dalam usaha mencapai visi dan misi kami.



 **Bahagian 1 : Pengenalan**

- Penubuhan Kami dan Tujuannya
- Pendekatan dan Rangka Kerja Pengurusan Strategik Kami

Penubuhan Kami dan Tujuannya

A. Perbadanan

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) mentadbir sistem insurans deposit di Malaysia – bagi kedua-dua deposit Islam dan juga konvensional. Ia ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta) sebagai sebuah badan berkanun yang melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Mandat, peranan dan tanggungjawab Perbadanan ditakrif dalam statutnya.

B. Mandat

Mandat statutori kami ialah untuk:

- (a) mentadbir sistem insurans deposit di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005;
- (b) menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit sesebuah institusi anggota;
- (c) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai objektifnya di bawah (b) dan (d), PIDM akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

C. Rancangan Korporat

Rancangan Korporat ini merupakan usaha bersama Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan kami. Dalam membangunkan Rancangan ini, kami telah membuat penilaian persekitaran operasi bagi membolehkan kami menilai risiko organisasi serta cabaran yang dihadapi oleh Perbadanan. Berdasarkan kepada penilaian ini, kami kemudiannya telah menggariskan andaian perancangan utama, hala tuju strategik dan inisiatif kami bagi tempoh perancangan tersebut.

Sejak penubuhan kami pada Ogos 2005, kami telah memberikan tumpuan kepada pembangunan dan pengukuhan organisasi, operasi, sistem dan budaya kami. Bagi tempoh perancangan 2008-2010, kami akan terus memantapkan kesediaan operasi dan keberkesanannya, justeru itu tema kami ialah: 'Berkembang Kukuh daripada Kekuatan'.

Pendekatan dan Rangka Kerja Pengurusan Strategik Kami

A. Rangka Kerja

Kami komited untuk membina organisasi yang berpaksikan kepada prestasi menerusi pelaksanaan amalan terbaik yang berterusan dalam tadbir urus dan operasi. Ini termasuk mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik menyeluruh yang menerap penilaian risiko penting Perbadanan menerusi pendekatan pengurusan risiko organisasi. Penyatuan pengurusan risiko organisasi (*Enterprise Risk Management - ERM*) ke dalam rangka kerja pengurusan strategik adalah diakui sebagai pendekatan amalan terbaik, kerana ia membantu menyalurkan sumber bagi menangani risiko-risiko mengikut kepentingan.

Proses perancangan strategik kami menimbangkan perkara berikut:

- Hasil yang kami ingin capai;
- Persekitaran di mana kami beroperasi;
- Pemegang kepentingan dalam dan luar;
- Bagaimana kami mengenal pasti, mengklasifikasikan serta menilai kesan risiko utama kami;
- Strategi dan inisiatif untuk menggerakkan Perbadanan ke hadapan; dan
- Kesan kewangan dalam melaksanakan inisiatif yang dirancang.



Gambar rajah pengurusan strategik kami di atas menjelaskan bagaimana kami membangun rancangan strategik dan memperlihatkan rejim pelaporan serta kebertanggungjawaban yang mantap. Ini melibatkan pemantauan dan pelaporan lazim bagi pencapaian kami berbanding Rancangan tersebut.

Pendekatan dan Rangka Kerja Pengurusan Strategik Kami

Berdasarkan kestabilan persekitaran operasi kami seperti yang diuraikan dalam Bahagian 3, teras strategik dan objektif korporat semasa kami akan terus relevan bagi tempoh perancangan ini.

B. Teras Strategik

Kami mengekalkan empat teras strategik utama bagi memenuhi mandat kami. Ia adalah:

Kesediaan Operasi

Kesediaan dalam memenuhi peranan kami sebagai penginsurans deposit. Ini termasuk melengkapkan kakitangan kami dengan kemahiran dan kepakaran yang perlu, melaksanakan proses dan sistem yang peka kepada perkara-perkara yang memberi kesan kepada PIDM dan institusi anggota kami, serta mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menjangka, menilai dengan giat dan menguruskan risiko terhadap dana insurans deposit.

Amalan Urus Niaga dan Kewangan yang Mantap

Memastikan kami melaksana amalan urus niaga dan kewangan yang mantap serta mempamerkan pentadbiran dan pengurusan yang baik. Ini termasuk melaksanakan rangka kerja kebertanggungjawaban dan rejim pendedahan dan pelaporan yang kukuh.

Kesedaran Awam Yang Efektif

Menyediakan program kesedaran awam dan pendidikan yang berkesan untuk menjelaskan faedah dan had-had sistem insurans deposit.

Perkongsian Kukuh

Menjalin hubungan erat dengan rakan kongsi kami – institusi anggota, pengawal atur, pengawal selia dan pembekal – bagi membantu mencapai mandat kami. Ini termasuk bekerjasama dengan rakan kongsi secara runding dan telus serta mencari jalan untuk mengurangkan beban pentadbiran kepada institusi anggota kami.

C. Objektif Korporat

Objektif korporat kami dari empat perspektif – Pemegang Kepentingan, Kewangan, Proses Dalaman serta Pembelajaran dan Pembangunan – ialah:

I. Pemegang Kepentingan

- **Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik**
Kami akan mempamerkan pentadbiran dan pengurusan yang baik menerusi pengelolaan urus niaga kami serta pematuhan tadbir urus korporat yang baik. Kami juga akan mengamalkan pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

- **Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat**

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah mustahak bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Kami akan terus berinteraksi dan mendidik semua pemegang kepentingan menerusi program kesedaran awam dan pendidikan. Kami juga akan mendapatkan pandangan pemegang kepentingan kami apabila merangka polisi dan peraturan.

- **Perkongsian efektif**

Berdasarkan model urus niaga kami, perkongsian yang efektif adalah kritikal bagi kami memenuhi mandat. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan institusi anggota, pengawal atur, pengawal selia, penginsurans deposit lain dan pembekal utama bagi kami mencapai objektif dan melaksanakan inisiatif dengan efektif dan efisien.

II. Kewangan

- **Penggunaan sumber yang optimum**

Sebagai badan awam yang bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan, kami akan menggunakan sumber secara optimum menerusi pengawasan kewangan berhemat serta pengurusan dan penggunaan aset, modal insan dan harta intelektual yang wajar.

III. Proses Dalaman

- **Kecemerlangan operasi**

Bagi memupuk keyakinan serta mentadbir sistem insurans deposit dengan berkesan, kami akan terus melaksana dan mengemaskini polisi, sistem, proses dan prosedur berdasarkan kepada amalan terbaik tempatan dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan membina kapasiti dan keupayaan bagi memastikan peranan dan tanggungjawab kami dapat dijalankan.

IV. Pembelajaran dan Pembangunan

- **Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten**


Kakitangan kami merupakan aset yang paling penting. Kami akan menyediakan insentif yang sewajarnya bagi menarik dan mengekalkan kakitangan yang mempunyai kemahiran pengurusan, pengalaman dan sikap yang sesuai. Perbadanan komited untuk menyediakan peluang latihan dan pembangunan berterusan kepada kakitangan bagi memenuhi potensi penuh mereka.

- **Persekitaran korporat yang kondusif**

Persekitaran korporat yang kondusif boleh membawa kepada kepuasan dan prestasi kerja yang tinggi. Kami akan memupuk budaya korporat dan nilai-nilai yang kondusif serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas dari gangguan.

D. Peta Strategi dan Prestasi Korporat

Peta strategi yang tertera menggambarkan teras strategik korporat serta objektif kami, yang menyokong pencapaian mandat.



Peta Strategi Korporat



 Bahagian 2 : **Membina atas Kekuatan Kami**

- Pencapaian *Scorecard* Korporat 2007
- Pencapaian Melangkaui *Scorecard* Korporat 2007 Kami
- Kewangan 2007: Unjuran 2007 Berbanding Bajet 2007
- Imbasan Korporat 2007

Pencapaian Scorecard Korporat 2007

Sepanjang tahun 2007, fokus kami adalah untuk membina atas kekuatan menerusi pelaksanaan amalan terbaik dalam tadbir urus dan operasi serta pencapaian objektif korporat kami. Kami berjaya melaksanakan semua inisiatif penting bagi tahun ini. Di samping itu, kami juga telah melaksanakan beberapa projek tambahan sepanjang tahun. Inti pati pencapaian kami ialah:

A. Perspektif Pemegang Kepentingan

Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Perkongsiian efektif

Bagi menyokong pencapaian objektif-objektif di atas, dalam tahun ini:

- Kami telah membangunkan rangka kerja pengurusan risiko organisasi, pengurusan komunikasi krisis dan kawalan dalaman. Kami juga telah membangunkan rancangan audit dalaman berasaskan risiko bagi tempoh 2008-2010.
- Kami telah mengendalikan lima sesi pendidikan untuk Lembaga Pengarah serta membangunkan rangka kerja perancangan penggantian pengurusan ahli Lembaga Pengarah.
- Kami giat melaksanakan inisiatif rancangan komunikasi bersepadu termasuk kempen iklan, perhubungan awam serta program kesedaran dan pendidikan. Kami menerima maklum balas positif bagi kandungan dan penyampaian kami semasa mengadakan taklimat.
- Kami telah melancarkan beberapa siri iklan media cetak dan televisyen sepanjang tahun. Ini membawa kepada peningkatan dalam panggilan ke pusat panggilan kami serta kunjungan laman web. Indeks kesedaran awam dijangka mencecah paras 30% pada akhir tahun 2007 daripada 13% pada tahun 2006.
- Kami telah menyertai pelbagai pameran dan jerayawara di seluruh negara.
- Kami terus membina asas rakan kongsi strategik, yang mana kami melibatkan mereka secara aktif menerusi pelbagai program penyumberan bersama dan penyumberan luar.
- Kami terus mengekalkan hubungan baik dengan Bank Negara Malaysia (BNM). PIDM banyak bergantung kepada BNM bagi pengawalan dan penyeliaan yang efektif terhadap institusi anggota. PIDM juga bergantung kepada BNM bagi sokongan lain seperti perkhidmatan pengurusan pelaburan.
- Laporan Tahunan 2006 kami yang bertemakan 'Memperkuhkan Urus Tadbir; Membina Kredibiliti' telah diserahkan kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dalam masa yang ditetapkan oleh Akta. Kami juga mengadakan sesi dialog bersama Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan institusi anggota bersempena dengan pengeluaran Laporan Tahunan 2006.

- Pada bulan Oktober 2007, kami telah menganjurkan Persidangan Tahunan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*) Ke-6 yang bertemakan 'Insurans Deposit dan Perlindungan Pengguna'. Persidangan itu disertai lebih dari 230 delegasi termasuk 170 peserta antarabangsa dari 43 negara.

B. Perspektif Kewangan

Penggunaan sumber yang optimum

Bagi menyokong nilai korporat kami iaitu pengelolaan kewangan dan sebagai sebuah badan awam yang bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan:

- Kami mengamalkan pendekatan perancangan kewangan yang berhemat. Semua inisiatif bagi tahun 2007 berjaya dilaksanakan mengikut pelan kewangan yang telah diluluskan.
- Kami juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti (*Asset Liability Management Committee - ALCO*) yang bertanggungjawab memantau aset dan liabiliti PIDM serta pendedahan kami kepada risiko kewangan.
- Kami memantau keputusan kewangan kami setiap bulan. Kami juga melapor prestasi berbanding inisiatif rancangan korporat yang diluluskan serta keputusan kewangan berbanding bajet yang diluluskan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun.

C. Perspektif Proses Dalaman

Kecemerlangan operasi

Kebanyakan dari petunjuk prestasi utama (PPU) kami

ditetapkan bagi mencapai kecemerlangan operasi. Ini agar kami dapat memupuk keyakinan pihak awam terhadap keupayaan kami untuk mentadbir sistem insurans deposit dengan berkesan. Sehubungan itu:

- Kami telah memantapkan sebilangan besar aspek operasi kami menerusi pembangunan dan pelaksanaan polisi, proses dan prosedur operasi yang kritikal.
- Kami telah mengeluarkan 'Peraturan bagi Keperluan Pendedahan bagi Akaun Bersama dan Akaun Amanah'. Seperti yang dirancang, kami telah membangunkan empat kertas konsep dan mengeluarkan empat kertas perundingan dan draf garis panduan bagi 'Kriteria bagi Menentukan Deposit Yang Diinsuranskan', serta draf peraturan bagi 'Keperluan Maklumat Mengenai Insurans Deposit', 'Sistem Premium Berbeza' dan 'Terma dan Syarat Keanggotaan'. Kami menjangka peraturan-peraturan ini akan diluluskan oleh Menteri Kewangan menjelang akhir tahun 2007 untuk dilaksanakan pada tahun 2008.
- Kami juga berusaha membangunkan rangka kerja metodologi penilaian risiko, campur tangan dan resolusi bank yang gagal. Rangka kerja sistem premium berbeza (*Differential Premium System - DPS*) kami yang akan dilaksanakan tahun hadapan, akan menggalakkan pengurusan risiko yang mapan dalam institusi anggota kami. Cadangan DPS itu akan menggantikan sistem premium kadar rata sekarang dengan mengambil kira model perniagaan berbeza yang diguna pakai oleh bank konvensional dan bank Islam.
- Kami telah meningkatkan lagi sistem teknologi maklumat (IT) kami bagi menambah baik keberkesanan operasi. Ini termasuk kelengkapan tambahan pejabat, perkakasan dan aplikasi perisian di bawah Fasa 2 rancangan peningkatan infrastruktur IT kami yang telah dirancang. Kami juga melaksanakan struktur tadbir urus IT yang mantap menerusi penubuhan Jawatankuasa Pemandu Teknologi

Pencapaian Scorecard Korporat 2007

Maklumat (*IT Steering Committee - ITSC*), yang mengawasi pelaksanaan infrastruktur, polisi dan keutamaan IT PIDM.

- Satu daripada inisiatif utama kami tahun ini ialah projek perpindahan dan pengubahsuaian pejabat. Kami berjaya memindahkan premis pejabat kami ke pejabat baru di Kuala Lumpur Sentral dengan gangguan minimum kepada operasi harian kami dan projek tersebut berjaya dilaksanakan mengikut bajet yang telah diluluskan.
- Satu proses lazim bagi pemeriksaan dan pelaporan prestasi korporat telah dilaksanakan untuk menyemak prestasi Perbadanan setiap bulan. Kami juga menangani sebarang jurang ketara dalam prestasi kami berbanding perancangan dalam masa yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan penyelarasan fokus di seluruh organisasi kami serta pencapaian PPU korporat kami. Pengurusan juga menyediakan laporan prestasi setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

D. Perspektif Pembelajaran dan Pembangunan

Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten

Persekitaran korporat yang kondusif

Dalam membangun dan memantapkan keupayaan dan prestasi tenaga kerja:

- Kami telah meneruskan usaha untuk membangunkan

kakitangan kami menerusi rancangan pembangunan dan analisis keperluan latihan menyeluruh bagi setiap kakitangan. Kami akan memantau keberkesanan rancangan ini menerusi pelbagai platform termasuk penilaian prestasi dan mekanisme maklum balas menyeluruh 360 - darjah.

- Sepanjang tahun, kakitangan kami menghadiri pelbagai program latihan dan pembangunan dalam bidang teknikal serta kecekapan (kompetensi) tingkah laku seperti yang digariskan dalam setiap analisis keperluan latihan kakitangan. Seterusnya, kami akan membangunkan rangka kerja analisis jurang kecekapan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menangani jurang dalam bahagian fungsi menerusi program pembangunan dan latihan yang sewajarnya. Rangka kerja ini dijangka dapat dilaksanakan mulai tahun 2008.
- Kami menjalankan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan pada lewat tahun 2007 dan kami menyasar untuk mencapai 75% indeks kepuasan kerja.
- Kami telah menyediakan program pengiktirafan dan ganjaran sebagai komitmen Perbadanan untuk mengenal pasti dan memberi ganjaran kepada kakitangan yang mencatatkan prestasi tinggi.
- Kami mengadakan sesi maklumat bersama semua kakitangan berkaitan pelaporan bagi pematuhan polisi 'Kod Tingkah Laku dan Etika Urus Niaga' dan 'Kod Konflik Kepentingan'. Semua kakitangan dikehendaki mematuhi semua kod dan memfailkan pengisytiharan pematuhan tahunan.

Pencapaian Melangkaui Scorecard Korporat 2007 Kami

Selain dari pencapaian PPU korporat, kami juga melaksanakan inisiatif-inisiatif utama lain yang melangkaui *Scorecard Korporat 2007*. Terutamanya:

- Kami telah menempuhi Audit Pengurusan pertama kami yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan mencapai penarafan keseluruhan yang tinggi.
- Kami telah merangka 'Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat', dengan tumpuan kepada tema teras 'Kesejahteraan Kakitangan', 'Pembabitan Komuniti' dan 'Perlindungan Alam Sekitar'.
- Kami juga telah menganjurkan beberapa acara bersempena dengan Persidangan Tahunan IADI ke-6 termasuk Pameran Kewangan Malaysia 2007 (MYFex 2007) yang bertujuan untuk memberi pengetahuan berkaitan isu-isu kewangan kepada pengguna serta meningkatkan kesedaran kewangan di kalangan rakyat Malaysia. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pihak awam terhadap sistem kewangan di Malaysia.
- Selain daripada pembangunan empat peraturan dan polisi insurans deposit, kami juga telah merangka kertas konsep dan draf peraturan lain mengenai 'Kebolehuatkuasaan Peruntukan Penjelasan Penamatan Bersih'. Kertas ini dikeluarkan kepada pihak awam untuk dibincang dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2008 setelah diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- Dalam usaha kami untuk membangunkan kemahiran kepimpinan, kami telah melaksanakan mekanisme maklum balas menyeluruh 360 - darjah, setahun lebih awal daripada yang dirancang. Mekanisme ini termasuk pelan progresif pembangunan peribadi bagi bahagian yang memerlukan pembaikan.
- Kami telah mengadakan beberapa sesi berkenaan 'Nilai-Nilai Korporat' dengan penyertaan kesemua kakitangan kami. Satu kumpulan kerja telah dibentuk untuk menangani isu-isu berkaitan dengan nilai-nilai korporat kami dengan sasaran untuk memupuk budaya korporat yang sesuai.
- Kami telah menganjurkan dua acara yang julung kalinya diadakan untuk kakitangan kami - Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam PIDM.
- Sebagai langkah ke arah memastikan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif, kami telah melaksanakan polisi 'Gangguan Di Tempat Kerja' dan mengadakan sesi maklumat bersama semua kakitangan. Kami komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas dari gangguan. Kami percaya setiap kakitangan harus dihormati dan dilayan dengan penuh maruah.

Kewangan 2007: Unjuran 2007 berbanding Bajet 2007

A. Keputusan Operasi

	2007	2007	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	%
	RM'000	RM'000		
Pendapatan				
Premium	110,300	110,000	300	0.3
Pelaburan	6,000	6,000	0	0.0
Jumlah Pendapatan	116,300	116,000	300	0.3
Perbelanjaan Operasi				
Gaji dan Faedah Kakitangan	14,300	15,800	1,500	9.5
Am dan Pentadbiran	7,700	10,100	2,400	23.8
Komunikasi	7,500	8,100	600	7.4
Jumlah Perbelanjaan Operasi	29,500	34,000	4,500	13.2

LEBIHAN BERSIH

86,800	82,000	4,800	5.9
---------------	---------------	--------------	------------

*2007 Unjuran= Sebenar (Jan-Okt 2007) + Unjuran (Nov-Dis 2007)

B. Perbelanjaan Modal

	2007	2007	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	%
	RM'000	RM'000		
Perbelanjaan Modal				
Perabot, Kelengkapan dan Baik Pulih Pejabat	5,460	5,060	(400)	(7.9)
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	3,020	4,900	1,880	38.4
Kenderaan Bermotor	220	240	20	8.3

JUMLAH PERBELANJAAN MODAL

8,700	10,200	1,500	14.7
--------------	---------------	--------------	-------------

C. Ulasan Prestasi Kewangan 2007

Keputusan Operasi

Bagi akhir tahun 2007, kami mengunjurkan jumlah pendapatan sebanyak RM116.3 juta, perbelanjaan operasi RM29.5 juta dan lebihan RM86.8 juta. Unjuran lebihan ini ialah RM4.8 juta atau 5.9% lebih tinggi berbanding bajet.

Pendapatan

- Pendapatan premium untuk tahun ini ialah RM110.3 juta, 0.3% lebih tinggi berbanding bajet.
- Kami menjangka mencapai pendapatan pelaburan yang dibajetkan bagi tahun ini dengan jangkakan purata pulangan 3.5%.

Perbelanjaan operasi

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2007 diunjurkan sebanyak RM29.5 juta, RM4.5 juta lebih rendah berbanding bajet (RM34 juta).
- Kami telah membuat peruntukan kos gaji dan faedah kakitangan sebanyak RM15.8 juta untuk 59 kakitangan bagi tahun penuh. Perbezaan positif ketara sebanyak RM1.5 juta atau 9.5% berpunca daripada kos latihan yang lebih rendah berbanding bajet bagi tahun ini. Kos yang lebih rendah ini adalah kerana kami sedang membangunkan pelan pembangunan dan latihan tahunan menyeluruh untuk pelaksanaan mulai tahun 2008. Perbezaan positif ini juga disebabkan oleh kos gaji dan faedah yang lebih rendah hasil daripada perbezaan tarikh permulaan kerja kakitangan yang dilantik sepanjang tahun berbanding perancangan.

- Perbezaan positif RM2.4 juta atau 23.8% bagi kos am dan pentadbiran disebabkan oleh kos perbelanjaan perjalanan, pencetakan dan alat tulis serta caj susut nilai yang lebih rendah berbanding bajet.
- Kos komunikasi diunjurkan sebanyak RM7.5 juta iaitu 7.4% lebih rendah berbanding jumlah yang dibajetkan sebanyak RM8.1 juta. Sebahagian daripada penjimatan kos ini berpunca daripada kerjasama kami dengan BNM dan agensi-agensi lain dalam melaksanakan pameran dan program jerayawara.

Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami dijangka mencecah RM8.7 juta atau 14.7% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif ketara bagi perbelanjaan modal adalah disebabkan oleh perbelanjaan sistem komputer dan peralatan pejabat yang lebih rendah berbanding bajet. Pada awalnya, kami memperuntukkan dana bagi program naik taraf terminal komputer. Namun begitu, program naik taraf ini ditangguhkan ke tahun 2008. Di samping itu, kos infrastruktur bagi sistem pembayaran hanya akan ditanggung mulai tahun 2008.

Pada keseluruhannya, kami berjaya melaksanakan inisiatif Rancangan Korporat utama kami berdasarkan pelan kewangan yang telah diluluskan.

Imbasan Scorecard Korporat 2007

Pencapaian PPU kami pada akhir Disember 2007 adalah seperti di bawah:

G	Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan/atau dalam lingkungan bajet.
A	Sasaran dicapai/inisiatif dilaksanakan.
Y	Belum dimulakan/tarikh bermula di masa hadapan.
R	Lewat berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau >±10% (tahun penuh) perbezaan bajet.

Objektif Korporat	PPU	Sasaran	Keputusan Unjuran*		
		2007	Dis-07		
A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1 Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi	A		
		Kepuasan tinggi	A		
		100%	A		
		Kepuasan tinggi	A		
	2 Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	3 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan pelan pengurusan komunikasi krisis b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko organisasi (i) Pengenalan dan program penerimaan (ii) Pembangunan asas pengurusan risiko organisasi dan proses tadbir urus (iii) Mengenal pasti dan menilai risiko tahap tinggi peringkat permulaan c. Membangun dan melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman d. Membangunkan rangka kerja pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah	Membangunkan mekanisme dan mewujudkan garis dasar	A	
			Disempurnakan	A	
			Disempurnakan	A	
			Disempurnakan	A	
			Disempurnakan	A	
			Disempurnakan	A	
	B Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4 Indeks kesedaran awam	30%	G¹	
			5 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (i) Melaksanakan program pengiklanan (ii) Melaksanakan program hubungan awam b. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan secara berterusan (i) Menjalankan taklimat, seminar dan jerayawara insurans deposit	Dilaksanakan	A
				Dilaksanakan	A
C Perkongsiannya efektif	6 Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota c. Pembekal d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh	A		
		Memuaskan	A		
		Kukuh	A		
		Kukuh	A		
	7 Pengiktirafan antarabangsa	Membangunkan mekanisme dan mewujudkan garis dasar	A		
		8 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik b. Menganjurkan Persidangan Tahunan IADI ke-6	Dibangunkan	A	
Disempurnakan	A				

*Penilaian dibuat pada Oktober 2007.

Objektif Korporat		PPU		Sasaran	Keputusan Unjuran*
				2007	Dis-07
Kewangan	D Penggunaan sumber yang optimum	9	Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A
		10	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan rangka kerja ALCO	Dilaksanakan	A
Proses dalaman	E Kecemerlangan operasi	11	Pematuhan terhadap kawalan dalaman	Membangunkan garis dasar	A
		12	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza (DPS) (i) Menerbitkan kertas rundingan mengenai DPS (ii) Membangunkan peraturan DPS b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif (i) Fasa 1 - infrastruktur asas c. Membangunkan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif (i) Fasa 1 - Penyelidikan dan pembangunan skop rangka kerja d. Membangunkan polisi dan peraturan insurans deposit (i) Peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan: - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan (ii) Peraturan Keperluan Maklumat Mengenai Insurans Deposit: - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan (iii) Peraturan Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsuranskan: - Membangunkan kertas konsep - Menerbitkan kertas rundingan - Membangunkan draf garis panduan e. Pelaksanaan pelan peningkatan infrastruktur IT: (i) Fasa 2 - Infrastruktur IT f. Membangun dan melaksanakan rancangan perpindahan ke premis kerja baru	Disempurnakan	A
				Dibangunkan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
Pembelajaran dan Pembangunan	F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	13	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan menilai kecekapan kakitangan: (i) Membangun dan menilai rangka kerja jurang kecekapan (ii) Membangun dan menilai analisis keperluan latihan yang khusus (iii) Membangun pelan latihan tahunan bagi individu b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan penggantian	Disempurnakan	G ²
				Disempurnakan	A
				Disempurnakan	A
				Dibangunkan	A
	G Persekitaran korporat yang kondusif	14	Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	G ³
	15	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangun dan melaksanakan program pengiktirafan dan ganjaran	Dilaksanakan	A	

Nota:

- Menunggu keputusan kaji selidik kesedaran awam yang dijalankan pada bulan November - Disember 2007 bagi mengesahkan tahap indeks kesedaran awam.
- Rangka kerja analisis jurang kecekapan dijangka selesai pada akhir tahun 2007 dan diikuti oleh penilaian pada tahun 2008.
- Kaji selidik kepuasan kerja kakitangan akan dijalankan pada bulan Disember 2007. Keputusan kaji selidik dijangka diumumkan pada bulan Januari 2008.

*Penilaian dibuat pada Oktober 2007.




 Bahagian 3 : **Berkembang Kukuh
daripada Kekuatan**

- Penilaian Persekitaran Operasi Kami
- Semakan Pengurusan Risiko Organisasi
- Andaian Perancangan Utama
- Hala Tuju Strategik bagi 2008-2010
- *Scorecard* Korporat 2008-2010
- Rancangan Kewangan 2008

Penilaian Persekitaran Operasi Kami

Kami telah mengambil kira persekitaran operasi kami dengan mengkaji aliran dan perkembangan luaran - global dan domestik - serta menjalankan analisis SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities, threats*) bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kami. Kami juga menggunakan pendekatan pengurusan risiko organisasi bagi mengenal pasti dan menilai risiko ketara yang memberi kesan kepada Perbadanan.

Sebagai penginsurans deposit nasional bagi semua bank perdagangan dan bank Islam di Malaysia, Perbadanan terdedah kepada pendedahan risiko anggotanya. Justeru itu, keselamatan dan kekukuhan institusi anggota kami adalah amat penting kepada kami. Pada keseluruhannya, persekitaran operasi bagi institusi anggota kami dijangka terus positif. Institusi anggota rata-ratanya dijangka terus mencatatkan prestasi menggalakkan dan Perbadanan dijangka tidak akan berdepan dengan situasi kegagalan sesebuah bank semasa tempoh perancangan ini. Secara ringkasnya, persekitaran di mana Perbadanan beroperasi dijangka terus stabil.



Semakan Pengurusan Risiko Organisasi

Sejajar dengan komitmen kami untuk melaksanakan amalan terbaik dalam semua aspek operasi, kami telah menggunakan pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi (*Enterprise Risk Management - ERM*) untuk mengenal pasti dan menilai risiko ketara yang memberi kesan kepada Perbadanan. Rangka kerja ERM kami dibangunkan berdasarkan kepada amalan terbaik, termasuk *Australian/New Zealand Standard 4360:2004* sebagai piawai utama serta *COSO's Enterprise Risk Management - Integrated Framework* sebagai penanda aras bagi proses pengurusan risiko kami.

Proses ERM PIDM



Daripada semakan dan penilaian yang dibuat, risiko ketara yang memberi kesan kepada Perbadanan ialah:

(1) **Tahap kesedaran awam yang rendah mengenai sistem insurans deposit dan salah faham mengenai peranan PIDM.**

Keyakinan awam penting dalam mengekalkan sistem kewangan yang stabil. Orang awam yang tidak mendapat maklumat meningkatkan kemungkinan berlakunya situasi pengeluaran deposit besar-besaran dan keadaan lain yang mungkin mencetuskan ketidakstabilan kepada sistem kewangan. Ketika ini, kesedaran mengenai sistem insurans deposit masih lagi kurang, justeru itu kami meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran tersebut.

(2) **Kesediaan kepakaran dan pengalaman insurans deposit.**

Kakitangan adalah aset kami yang paling berharga. Oleh kerana insurans deposit masih baru di Malaysia, keupayaan kami untuk menarik, membangun dan mengekalkan kumpulan kakitangan yang cekap dan mahir adalah penting.

(3) **Pembangunan polisi, sistem, amalan dan proses dalam operasi teras dan kesediaan untuk campur tangan dalam sesebuah institusi yang bermasalah.**

Kami sedang membangunkan polisi, sistem, amalan dan proses dalam operasi teras, terutamanya, bagi proses campur tangan dan resolusi kegagalan.


(4) **Kesinambungan urus niaga.**

Kami sedang membangunkan pelan pemulihan bencana dan kesinambungan urus niaga yang menyeluruh. Tanpa pelan ini, ianya mungkin memberi kesan terhadap keupayaan kami untuk bertindak balas dengan efektif sekiranya berlaku sebarang bencana.

Dengan pemahaman mendalam tentang risiko-risiko ini, kami dapat memberi tumpuan dan menyalur sumber kami ke arah menangani risiko-risiko ini sebagai keutamaan bagi tempoh perancangan. Inisiatif dan pelan tindakan telah dirangka untuk menangani risiko-risiko ini dan ianya dipaparkan di dalam *Scorecard* Korporat 2008-2010 kami. Ini adalah untuk memastikan penyelarasan rangka kerja pengurusan strategik dengan pengurusan risiko organisasi serta pengurusan sumber yang efektif.

Andaian Perancangan Utama

Penilaian persekitaran operasi kami membawa kepada pembangunan andaian perancangan utama bagi tempoh perancangan seperti yang berikut:

- Mandat kami kekal terkini dan relevan;
 - Tiada perkembangan mendadak dalam ekonomi domestik yang boleh membawa kesan besar dan negatif kepada risiko kami dalam menyediakan insurans deposit;
 - Tiada perkembangan kawal selia yang boleh membawa kesan negatif kepada institusi anggota kami;
 - Liberalisasi dan penggabungan perbankan atau lanskap kewangan tidak akan memberi kesan yang menjejaskan institusi kewangan kami;
 - Keseluruhan bilangan institusi anggota akan berubah akibat daripada liberalisasi dan penggabungan selanjutnya;
 - Tiada kegagalan institusi anggota dalam tempoh perancangan;
 - Terdapat pasaran pekerjaan yang dinamik;
 - Terdapat peningkatan tahap kesedaran awam terhadap sistem insurans deposit di Malaysia;
 - Aliran peningkatan tahap simpanan isi rumah yang stabil akan berterusan;
 - Pendapatan premium tahunan akan berdasarkan kepada kadar yang dicadangkan bagi sistem premium berbeza untuk tahun 2008; dan
 - Model urus niaga kami tidak akan berubah dan kami akan terus bergantung kepada pasukan kakitangan yang kecil yang disokong oleh program penyumberan luar dan penyumberan bersama. Model kami juga disokong oleh sistem dan infrastruktur IT.
- 

Hala Tuju Strategik bagi 2008-2010

Fokus utama kami

Tahun hadapan adalah merupakan tahun yang mencabar di mana kami akan terus mengembangkan sumber organisasi untuk pembangunan kapasiti dan keupayaan kami dalam operasi teras dengan had masa yang singkat. Hala tuju strategik bagi tempoh perancangan ini akan ditumpukan kepada bahagian-bahagian berikut.

1. Pembangunan modal insan.

Dalam usaha untuk menarik dan mengekalkan kakitangan berbakat, kami perlu melaksanakan insentif yang wajar, faedah pampasan, program latihan dan amalan pengurusan bakat yang lain sejajar dengan industri. Inisiatif-inisiatif utama ini termasuk:

- Program latihan dan pembangunan menyeluruh;
- Program pengurusan bakat;
- Program pengiktirafan dan ganjaran; dan
- Program pengurusan penggantian.

2. Meningkatkan dan memastikan kesediaan operasi, keberkesanan polisi, amalan, sistem, pendekatan dan sumber untuk mengendalikan proses campur tangan dan resolusi.

Kesediaan operasi kami dalam semua aspek operasi teras adalah penting dalam memenuhi mandat kami. Kami akan terus membangun dan mengukuhkan bahagian-bahagian ini, terutamanya, melaksanakan:

- Rangka kerja penilaian risiko dan pemantauan yang menyeluruh;
- Rangka kerja proses campur tangan dan resolusi kegagalan yang menyeluruh, termasuk urusan pembiayaan;
- Sistem pengurusan pembayaran semula deposit;
- Polisi dan peraturan insurans deposit;
- Simulasi pengurusan krisis;
- Pelan pemulihan bencana dan kesinambungan urus niaga;
- Sistem dan infrastruktur perniagaan IT yang kukuh; dan
- Rangka kerja dan sistem pengurusan pengetahuan.

3. Mengukuhkan usaha komunikasi bagi meningkatkan tahap kesedaran awam dan pemahaman mengenai sistem insurans deposit.

Kesedaran awam boleh meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit di mana ianya mengukuhkan perlindungan pengguna dan menggalakkan kestabilan kewangan. Sebagai sebahagian daripada usaha kami bagi menangani risiko utama ini, kami akan terus melaksanakan rancangan komunikasi bersepadu dan meningkatkan tahap kesedaran awam menerusi:

- Kempen iklan dan aktiviti perhubungan awam;
- Program kesedaran awam dan pendidikan; dan
- Program interaksi dengan pemegang kepentingan.

Hala Tuju Strategik bagi 2008-2010

Fokus pembangunan jangka panjang kami

Sebagai sebahagian daripada pembangunan kapasiti dan keupayaan jangka panjang, kami komited untuk melaksanakan:

Pasukan kepimpinan yang mantap

laitu:

- Dilengkapi dengan kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang perlu;
- Komited kepada keperluan dan jangkaan pemegang kepentingan dalam dan luar kami;
- Telus dan bertanggungjawab;
- Bermotivasi dan inovatif; dan
- Dengan keazaman profesional yang tinggi.

Pengurusan hubungan yang mapan

laitu:

- Membina atas perkongsian kukuh;
- Terbuka untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada pemegang kepentingan utama kami; dan
- Komited untuk mengeratkan hubungan antara Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan.

Budaya korporat yang kukuh

laitu:

- Mencari jalan untuk menambah baik kualiti prestasi kami dari segi keberkesanan dan kecekapan;
- Terus membangunkan organisasi amalan terbaik;
- Membina atas kreativiti dan tujuan; dan
- Menyediakan persekitaran bagi kakitangan untuk menzahirkan potensi penuh mereka.

Scorecard Korporat 2008-2010

Sasaran kami ialah untuk mengukur hasil daripada inisiatif kami secara praktikal, dari segi apa yang telah kami capai dan anggapan pemegang kepentingan terhadap prestasi kami. Berdasarkan kepada pendekatan *Balanced Scorecard* kami, kami telah merangka *Scorecard* Korporat bagi 2008-2010 dengan mengenal pasti jelas PPU dan sasaran di masa hadapan. PPU kami telah diterap di dalam *Scorecard* Korporat kami seperti yang dipaparkan di muka surat berikutnya. Ini adalah untuk memastikan inisiatif kami disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Scorecard Korporat 2008-2010

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN		
			2008	2009	2010
PEMEGANG KEPENTINGAN	A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: <ul style="list-style-type: none"> a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Keberkesanan polisi dan amalan pengurusan risiko organisasi e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab 	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan bagi maklum balas diterima	Tindakan bagi maklum balas diterima	Tindakan bagi maklum balas diterima
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko organisasi : <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 4 – Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan pengurusan risiko organisasi iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan pengurusan risiko organisasi b. Membangun dan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko c. Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman d. Melaksanakan rancangan pengurusan penggantian bagi ahli Lembaga Pengarah 	Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Disempurnakan Disempurnakan	Kajian semula Dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan Kajian semula & dipertingkatkan Disempurnakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula & dipertingkatkan Disempurnakan
PEMEGANG KEPENTINGAN	B Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks kesedaran awam (kesedaran awam insurans deposit)	35%	40%	45%
		5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Kajian semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu: <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan secara berterusan b. Membangun dan melaksanakan program pendidikan kesedaran c. Membangun dan melaksanakan program pendidikan dan biasiswa 	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan
		6. Hubungan PIDM dengan: <ul style="list-style-type: none"> a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota c. Pembekal d. Penginsurans deposit antarabangsa 	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh
PEMEGANG KEPENTINGAN	C Perkongsian efektif	7. Penyertaan dalam forum antarabangsa	Penyertaan Aktif	Penyertaan Aktif	Penyertaan Aktif
		8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik b. Menganjurkan seminar insurans deposit 	Dibangunkan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan
		9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	-10% perbezaan +20% perbezaan	-10% perbezaan +15% perbezaan	±10% perbezaan
KEWANGAN	D Penggunaan sumber yang optimum	10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: <ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan rangka kerja peruntukan b. Membangunkan rangka kerja dan proses urusan pembiayaan 	Dibangunkan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Dibangunkan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	Dilaksanakan

Scorecard Korporat 2008-2010

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN			
			2008	2009	2010	
PROSES DALAMAN	E	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan terhadap kawalan dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			12. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			<ul style="list-style-type: none"> a. Membangun dan melaksanakan sistem premium berbeza (DPS): <ul style="list-style-type: none"> i. Peraturan DPS ii. Rangka kerja/garis panduan DPS bagi penyata jumlah deposit diinsuranskan iii. E-filing DPS b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 2 - Peningkatan c. Membangun dan melaksanakan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 2 - Membangunkan metodologi, polisi, proses dan kriteria resolusi yang spesifik ii. Fasa 3 - Membangunkan rangka kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif d. Membangun dan menjalankan simulasi pengurusan krisis e. Membangunkan manual komunikasi krisis f. Membangun dan melaksanakan sistem pembayaran semula deposit <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 1 - Membangunkan pengurusan maklumat liabiliti pendeposit dan pengurusan hubungan pendeposit ii. Fasa 2 - Membangunkan pengurusan dan penyesuaian pembayaran antara deposit dan maklumat pinjaman iii. Fasa 3 - Membangunkan pangkalan data deposit dinamik g. Membangun dan melaksanakan polisi dan peraturan insurans deposit: <ul style="list-style-type: none"> i. Garis panduan/peraturan faedah boleh bayar dan dividen <ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan kertas konsep - Membangunkan kertas rundingan - Membangunkan draf peraturan/garis panduan ii. Hubungan kontrak antara PIDM dan bank-bank menjalankan aktiviti perbankan Islam <ul style="list-style-type: none"> - Membangun dan mengeluarkan pekeliling h. Membangun dan melaksanakan kesinambungan urus niaga dan pelan pemulihan bencana i. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pematuhan dan jaminan kualiti j. Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur IT: <ul style="list-style-type: none"> i. Fasa 4 - Kerjasama: Peningkatan teknologi dan memperkasakan pengguna ii. Fasa 4 - Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur IT k. Melaksanakan sistem urus niaga utama l. Membangun dan melaksanakan rangka kerja dan sistem pengurusan pengetahuan 	<p>Kukuh</p> <p>Dilaksanakan Dilaksanakan & kajian semula</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Disempurnakan Dibangunkan</p> <p>Disempurnakan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan</p>	<p>Kajian semula & dipertingkatkan Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan</p> <p>Disempurnakan Disempurnakan</p> <p>Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan</p>	<p>Kajian semula & dipertingkatkan Dilaksanakan</p> <p>Dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan Simulasi dijalankan</p> <p>Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan</p> <p>Fasa 3 dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan</p>
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten	13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			<ul style="list-style-type: none"> a. Membina kecekapan kakitangan: <ul style="list-style-type: none"> i. Kajian semula dan melaksanakan rancangan latihan tahunan ii. Mengenal pasti, membangun dan melaksanakan peluang silang-fungsi iii. Mengenal pasti, membangun dan melaksanakan perkakas pembelajaran dan penilaian yang sesuai b. Membangun dan melaksanakan rangka kerja pengurusan bakat c. Membangun dan melaksanakan sistem perancangan/pengurusan penggantian 	<p>Dibangunkan Dibangunkan</p> <p>Dibangunkan</p> <p>Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan</p>	<p>Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Dibangunkan & dilaksanakan</p> <p>Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan</p>	<p>Disempurnakan Dilaksanakan</p> <p>Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan Kajian semula & dipertingkatkan</p>
	G	Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	75%	75%
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			<ul style="list-style-type: none"> a. Kajian semula dan pelaksanaan program pengiktirafan dan ganjaran b. Membangun dan melaksanakan pelan tindakan untuk bertindak terhadap keputusan kaji selidik indeks kepuasan kerja kakitangan c. Kajian semula, membangun dan melaksanakan program yang selamat, sihat dan bebas gangguan 	<p>Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan Dibangunkan & dilaksanakan</p>	<p>Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan</p>	<p>Disempurnakan Tindakan penilaian dijalankan</p>

Rancangan Kewangan 2008

Rancangan kewangan kami seperti yang digariskan di bawah telah dirangka untuk menyokong pencapaian inisiatif bagi tahun 2008.

A. Bajet Operasi

	2008		2007		2007	
	(%)	Bajet RM'000	(%)	Unjuran* RM'000	(%)	Bajet RM'000
Pendapatan						
Premium	95	120,000	95	110,300	95	110,000
Pelaburan	5	8,000	5	6,000	5	6,000
Jumlah Pendapatan	100	128,000	100	116,300	100	116,000
Perbelanjaan Operasi						
Kos Kakitangan	54	24,500	48	14,300	46	15,800
Am dan Pentadbiran	28	12,500	26	7,700	30	10,100
Komunikasi	18	8,000	26	7,500	24	8,100
Jumlah Perbelanjaan Operasi	100	45,000	100	29,500	100	34,000

LEBIHAN BERSIH

83,000

86,800

82,000

B. Bajet Modal

	2008		2007		2007	
	(%)	Bajet RM'000	(%)	Unjuran* RM'000	(%)	Bajet RM'000
Perbelanjaan Modal						
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	3	400	62	5,460	50	5,060
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	97	15,210	35	3,020	48	4,900
Kenderaan Bermotor	-	-	3	220	2	240

JUMLAH PERBELANJAAN MODAL

100

15,610

100

8,700

100

10,200

*2007 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2007) + Unjuran (Nov-Dis 2007)

Rancangan Kewangan 2008


C. Ulasan Mengenai Bajet Operasi dan Perbelanjaan Modal 2008:

Pendapatan

- Pendapatan premium yang dibajetkan bagi tahun 2008 adalah berdasarkan kepada struktur kadar baru bagi sistem premium berbeza. Pendapatan pelaburan dibajetkan berdasarkan kepada pulangan purata pelaburan sebanyak 3.25%.

Perbelanjaan Operasi

- Kos kakitangan merangkumi kos tahunan bagi 69 kakitangan yang dirancang bagi 2008 dan mengambil kira kos pengubahsuaian pasaran sejajar dengan polisi pampasan dan faedah yang telah diluluskan. Ini bertujuan untuk menarik dan mengekalkan kakitangan mahir dan komited. Kami juga telah memperuntukkan sumber yang besar bagi program latihan dan pembangunan yang berterusan sejajar dengan fokus strategik kami untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan keupayaan kakitangan. Ini penting kerana kakitangan kami merupakan penggerak utama dalam melaksana dan menjayakan inisiatif strategik.
- Sebahagian besar kos am dan pentadbiran berkaitan dengan kos harian mentadbir pejabat dan operasi kami. Peningkatan ini berbanding bajet tahun lepas adalah disebabkan oleh kos yang lebih tinggi untuk menyenggara premis pejabat baru kami, termasuk kos sewa pejabat serta kos utiliti dan telekomunikasi. Kami juga memperuntukkan dana untuk menyokong inisiatif utama kami bagi tahun 2008. Ini termasuk peruntukan untuk perkhidmatan profesional dan runding cara bagi pembangunan rangka kerja, proses dan sistem dalam operasi teras kami seperti proses campur tangan dan resolusi kegagalan, proses pembayaran semula deposit serta pembangunan polisi dan peraturan. Dana juga diperuntukkan untuk menyokong aktiviti insurans deposit antarabangsa yang berterusan.



- Kami akan terus melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun dalam usaha kami untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit di Malaysia. Sehubungan itu, sejumlah besar sumber disalurkan untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini yang termasuk kempen iklan, inisiatif perhubungan awam, interaksi media dan program-program lain berkaitan dengan kesedaran dan pendidikan awam.

Perbelanjaan Modal

- Sejumlah besar bajet perbelanjaan modal diperuntukkan untuk menyokong kesediaan operasi menerusi pembangunan sistem urus niaga dan infrastruktur IT yang memenuhi keperluan operasi kami. Sistem urus niaga utama termasuk perkakasan, perisian dan aplikasi bagi penilaian dan pemantauan risiko, proses campur tangan dan resolusi kegagalan serta sistem pengurusan pembayaran semula deposit.
- Kami juga memperuntukkan dana bagi pengubahsuaian tambahan pejabat untuk menampung rancangan tambahan tenaga kerja di masa hadapan.

Rancangan Kewangan 2008

D. Lembaran Imbangan Pro Forma

ASET

	2008 Bajet Konvensional RM'000	2008 Bajet Islam RM'000	2008 Bajet Jumlah RM'000	2007 Unjuran* Jumlah RM'000	2007 Bajet Jumlah RM'000
Tunai dan Kesetaraan Tunai	2,630	260	2,890	1,100	3,000
Pelaburan	239,970	25,690	265,660	195,800	194,000
Aset lain	5,050	500	5,550	4,000	160
Hartanah dan kelengkapan	20,000	2,000	22,000	8,800	9,840

JUMLAH ASET

267,650 28,450 296,100 209,700 207,000

LIABILITI

Akaun belum bayar	3,550	350	3,900	500	2,700
JUMLAH LIABILITI	3,550	350	3,900	500	2,700

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam					
Baki awal	-	20,000	20,000	11,200	11,300
Lebihan bagi tempoh laporan	-	8,100	8,100	8,800	7,700
	-	28,100	28,100	20,000	19,000

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Konvensional					
Baki Awal	189,200	-	189,200	111,200	111,000
Lebihan bagi tempoh laporan	74,900	-	74,900	78,000	74,300
	264,100	-	264,100	189,200	185,300

JUMLAH KUMPULAN DANA

INSURANS DEPOSIT	264,100	28,100	292,200	209,200	204,300
-------------------------	----------------	---------------	----------------	----------------	----------------

JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

267,650 28,450 296,100 209,700 207,000

*2007 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2007) + Unjuran (Nov-Dis 2007)

E. Ulasan bagi Lembaran Imbangan:

- Berdasarkan unjuran premium bagi tahun 2008, jumlah dana insurans deposit dianggarkan berjumlah RM292.2 juta pada 31 Disember 2008.

F. Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	2008 Bajet RM'000	2007 Unjuran* RM'000	2007 Bajet RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	120,000	110,300	110,000
Pembayaran semasa beroperasi kepada pembekal dan kakitangan	(38,200)	(34,000)	(29,300)
Penerimaan pendapatan pelaburan	7,100	2,300	5,500
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	88,900	78,600	86,200
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	352,500	269,000	197,110
Pembelian sekuriti pelaburan	(424,000)	(343,000)	(272,710)
Pembelian hartanah dan peralatan	(15,610)	(8,700)	(10,200)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(87,110)	(82,700)	(85,800)
Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam Tunai & Kesetaraan Tunai Tunai & Kesetaraan Tunai pada awal tahun	1,790	(4,100)	400
	1,100	5,200	2,600
TUNAI & KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,890	1,100	3,000

*2007 Unjuran = Sebenar (Jan-Okt 2007) + Unjuran (Nov-Dis 2007)



Bahagian 4 : **Kesimpulan**


- Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
- Kesimpulan

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Rancangan ini akan terus mencabar dan menguji kemampuan sumber organisasi hingga kepada hadnya. Namun begitu, kami yakin dapat melaksanakan serta mencapai semua matlamat kami dengan adanya tenaga kerja yang sesuai dan berpengetahuan, infrastruktur yang perlu serta tumpuan dan komitmen semua kakitangan.

Namun yang demikian, terdapat perkara tertentu yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami. Ini termasuk proses campur tangan dalam sesebuah institusi anggota yang bermasalah atau kehilangan kakitangan penting. Sebagai contoh, jika berlakunya kegagalan sesebuah institusi anggota semasa dalam tempoh perancangan, kami perlu menyelaras semula semua sumber kami untuk menangani masalah ini. Ianya boleh menyebabkan perubahan besar dalam hala tuju strategik kami serta menangguhkan banyak inisiatif. Kehilangan kakitangan penting juga boleh menyebabkan sebilangan besar inisiatif tertangguh atau tidak dapat diselesaikan.

Meskipun perkara sedemikian berada di luar kawalan, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Perancangan tersebut dapat diurus dan ditangani dengan berkesan.



Kesimpulan

Sejak penubuhan PIDM pada Ogos 2005, kami percaya kami telah mencapai kemajuan ketara dalam membina asas yang kukuh dan membangunkan pasukan kakitangan yang mantap khusus untuk memenuhi mandat kami. Pada tahun lepas, kami menumpukan usaha untuk membina kekuatan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi kami.

Bagi tempoh perancangan 2008-2010, kami akan terus membina atas kesediaan operasi menerusi pembangunan kapasiti dan pengurusan pengetahuan. Tumpuan kami ialah kepada pembangunan modal insan serta kesediaan operasi dan keberkesanan dalam semua aspek operasi kami. Kami juga akan menumpukan usaha membangunkan pasukan kepimpinan yang mantap, meningkatkan pengurusan hubungan serta memupuk budaya korporat yang kukuh bagi mencapai matlamat untuk menjadi organisasi yang berpaksikan kepada prestasi. Pencapaian Rancangan ini merupakan langkah seterusnya dalam usaha mencapai visi kami untuk diiktiraf sebagai salah satu peneraju penginsurans deposit terulung di dunia.



Lampiran

- Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- Profil Perbadanan
- Butiran Lanjut

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah

Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

**Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi
bin Dato' Haji Kamaruddin**

**Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz
bin Wan Abdullah**

Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob

Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias

Encik Michael Wong Kuan Lee

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif

Lai Wai Keen
Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lim Yam Poh*
Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat

Md. Khairuddin Haji Arshad*
Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

Noorida Baharuddin
Ketua Audit Dalaman, Audit dan Khidmat Perundingan

S. Loganathan
Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Siti Zubaidah Haron
Pengurus Besar, Sumber Manusia

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Loffi*
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

Lee Yee Ming
Pengurus Kanan, Pengurusan Risiko Organisasi

* Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Profil Perbadanan

Siapa kami

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) pada 2005 untuk mentadbir sistem insurans deposit di Malaysia. PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation* (MDIC), terutamanya dalam konteks antarabangsa.


Mandat kami

Kami berperanan untuk mentadbir sistem insurans deposit nasional. Sistem ini dibiayai oleh premium yang dibayar oleh institusi anggota. Kami mentadbir dua dana berasingan iaitu Dana Insurans Deposit Islam (melalui premium yang dikutip daripada deposit Islam) dan Dana Insurans Deposit Konvensional (melalui premium konvensional). Bagi memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah, Dana Islam diuruskan secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

Kami menyediakan insurans terhadap kehilangan deposit yang diletakkan oleh pendeposit di institusi anggota sehingga RM60,000 (prinsipal dan faedah atau pulangan) bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Sekiranya berlaku kegagalan institusi anggota, kami akan membayar semula dengan segera deposit yang diinsuranskan kepada semua pendeposit yang terjejas.

Institusi anggota kami terdiri daripada semua bank perdagangan (termasuk anak syarikat bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983.

Kami menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam hal ini, kami berganding bahu bersama Bank Negara Malaysia (BNM), pengawal atur dan pengawal selia utama bagi institusi anggota di bawah satu Perjanjian Kerjasama Strategik. Perkongsian bersama BNM ini dapat memastikan pertukaran maklumat tentang institusi anggota dijalankan pada masa yang tepat dan kerjasama dalam semua aspek penting berkenaan fungsi dan aktiviti kami.



Aspek penting tugas kami ialah untuk memantau dan menguruskan risiko dalam sistem kewangan. Dalam hal ini, kami amat bergantung kepada BNM untuk menjalankan pemeriksaan ke atas institusi anggota kami. Namun begitu, dalam keadaan tertentu kami juga boleh menjalankan pemeriksaan khas ke atas institusi anggota kami. Kami juga diberi kuasa untuk campur tangan dalam sesebuah institusi anggota apabila BNM menetapkan institusi tersebut tidak atau berkemungkinan tidak berdaya maju. Ini adalah untuk mengurangkan atau menghindar risiko terhadap sistem kewangan. Kuasa campur tangan membolehkan kami, antara lain, memperoleh aset daripada institusi anggota, membuat pinjaman atau pendahuluan, atau meletak atau menjamin deposit.

Berdasarkan mandat, kami menjalankan inisiatif pendidikan dan kesedaran awam untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai insurans deposit di Malaysia. Kami mengadakan rundingan dengan pihak pemegang kepentingan utama dan orang awam dalam merangka peraturan bagi memenuhi objektif statutori kami serta peruntukan Akta PIDM. Ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik terhadap isu-isu yang terbabit, pembikinan peraturan yang lebih efektif dan penerimaan lebih meluas terhadap keputusan kami.

Hubungan gabungan

Di arena antarabangsa, kami adalah ahli aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI). Kami juga merupakan penginsurans deposit pertama yang diterima sebagai Ahli Bersekutu dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, badan antarabangsa yang menetapkan piawaian.

Butiran Lanjut

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan PIDM di talian bebas tol 1-800-88-1266 dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang Isnin hingga Jumaat
- Layari laman web di www.pidm.gov.my
- E-mel kepada info@pidm.gov.my
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Aras 19, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Telefon: 603-2173 7436
Faks: 603-2260 7431/32

